

## **6.5.2021\_Berita Harian\_program imunisasi Covid-19 fasa 3 berdepan isu bekalan vaksin**

### **Program imunisasi COVID-19 fasa 3 berdepan isu bekalan vaksin**

**Oleh Zanariah Abd Mutib**  
[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) fasa tiga yang dijadualkan bulan ini, belum pasti dapat dilaksanakan seperti dirancang kerana isu bekalan vaksin.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin, berkata ketika ini, fasa dua PICK berjalan seperti yang dirancang membabitkan warga emas.

"Fasa tiga sepatutnya bermula pada Mei tapi saya tidak tahu sama ada kita cukup bekalan untuk memulakannya (bulan ini). Kita perlu membuat pengumuman mengenainya nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninggalkan program suntikan vaksin AstraZeneca secara sukarela di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) WTCKL, di sini, semalam.

Mengulas lanjut isu bekalan vaksin, Khairy sekali lagi menyuarakan ketidakpuasan hati dengan tindakan negara kaya membolot vaksin, menyebabkan negara membangun seperti Malaysia tidak mendapat bekalan yang mencukupi.